

**Perdana Menteri Kuwait didesak letak jawatan.  
AFP News  
Oktober 21, 2011**

KUWAIT CITY 21 Okt. – Ahli Parlimen Kuwait dan kumpulan aktivis hari ini menggesa Perdana Menteri, Sheikh Nasser Mohammad al-Ahmad Al-Sabah meletak jawatan berhubung penularan kegiatan rasuah yang semakin serius dan kemerosotan pentadbiran.

“Kegiatan rasuah di bawah pimpinan Sheikh Nasser semakin serius dan pentadbiran negara boleh terjejas akibat masalah tersebut,” kata ahli Parlimen Islamis, Faisal al-Muslim.

Sejak Sheikh Nasser dilantik sebagai Perdana Menteri pada tahun 2006, beliau menerima banyak desakan agar meletak jawatan dari pihak pembangkang. – AFP

Copyright © AFP 2011

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1021&pub=Utusan\\_Malaysia&ec=Terkini&pg=bt\\_11.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1021&pub=Utusan_Malaysia&ec=Terkini&pg=bt_11.htm)